

Rujukan Kami : UTM.J.17.03.03.03/10.12/22 (48)
Tarikh : 7 April 2026

**NOTIS KEPADA PELAJAR BIL. 3/2026
NOTIS CUTI SEMESTER 2 SESI 2025/2026
BAGI PELAJAR PROGRAM DIPLOMA, UTMSPACE**

Semua Pelajar Program Diploma, UTMSPACE
UTM Johor Bahru

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Dimaklumkan bahawa cuti Semester 2 Sesi 2025/2026 bagi pelajar Program Diploma, UTMSPACE akan bermula pada 20 April 2026. Sehubungan itu, proses daftar keluar kolej kediaman adalah sepertimana berikut:

1.0 Tanggungjawab Pelajar Sebelum Meninggalkan Kolej

- 1.1 Memastikan bilik kediaman dalam keadaan bersih dan teratur.
- 1.2 Menyusun semula perabot ke kedudukan asal sebelum meninggalkan bilik.
- 1.3 Memastikan semua suis yang terdapat di dalam bilik dimatikan. Denda akan dikenakan sekiranya suis dibiarkan dalam keadaan terbuka.
- 1.4 Mengunci tingkap dan pintu bilik bagi tujuan keselamatan.
- 1.5 Sebarang kerosakan, kehilangan perabot, yang disebabkan kecuaiannya pelajar atau sampah yang ditinggalkan akan dikenakan penalti atau caj pembersihan atau kedua-duanya sekali.

2.0 Pemulangan Kunci Bilik

- 2.1 Tarikh akhir pemulangan kunci di pejabat kolej adalah pada **20 April 2026 (Isnin) jam 5.00 petang**. Pejabat juga akan beroperasi sepertimana berikut:

Tarikh	Masa
19 April 2026 (Ahad)	8.00 pagi – 1.00 petang

- 2.2 Pelajar dikehendaki melengkapkan **Borang Daftar Keluar Bilik** serta menandatangani **Buku Pemulangan Kunci** di pejabat kolej.
- 2.3 Pelajar yang memulangkan kunci selepas jam 5.00 petang perlu memulangkan kunci melalui “*Key Drop Box*” yang disediakan oleh pihak kolej dan mengisi borang Daftar Keluar Kolej Pelajar SPACE di pautan <https://tinyurl.com/Diploma19426>
- 2.4 Pelajar yang gagal memulangkan kunci akan didenda sebanyak RM25.00 dan perlu **membayar sewa mengikut jenis bilik sehingga kunci dipulangkan**.

- 2.5 **Kehilangan/kerusakan kunci bilik** akan dikenakan **penalti sebanyak RM25.00 hingga RM50.00** atau bergantung kepada harga asal kunci tersebut.
- 2.6 Denda dengan jumlah mengikut tahap kerosakan perabot/peralatan akan dikenakan sekiranya terdapat perabot/peralatan yang rosak/hilang disebabkan kecuaiannya pelajar. Ini termasuk menampal/menconteng atau sebagainya pada perabot.
- 2.7 Pelajar tidak dibenarkan meninggalkan barang-barang dalam bilik tersebut. Pelajar yang gagal mengosongkan bilik, pihak Universiti berhak melupuskan semua barangan yang masih ada di bilik dan tiada sebarang tuntutan yang boleh diambil oleh pelajar.

3.0 Penyewaan Semasa Cuti

- 3.1 Penyewaan semasa cuti adalah **tidak dibenarkan**. Semua pelajar wajib mengosongkan bilik dan memulangkan kunci di pejabat kolej pada tarikh yang tertera dalam Perkara 2.1.

4.0 Permohonan Kolej Kediaman Semester Pendek Sesi 2025/2026 dan Permohonan Kolej Kediaman Sesi 2026/2027

- 4.1 Pelajar yang terlibat dengan semester pendek dan atau pelajar yang masih aktif pada sesi 2025/2026 yang ingin menginap di kolej kediaman perlu membuat permohonan melalui **Pengurusan UTMSPACE**. Kelulusan adalah tertakluk kepada kekosongan bilik di kolej kediaman yang akan diselaraskan oleh pihak Pengurusan UTMSPACE bersama Pengurusan Kolej Kediaman.

5.0 Hal-Hal Lain

- 5.1 Pihak Universiti berhak mengeluarkan barang-barang milik pelajar yang tinggal di kolej kediaman tanpa kebenaran. Selain caj sewa dan denda, tindakan tatatertib boleh diambil terhadap pelajar yang gagal untuk mengosongkan bilik mereka apabila diarahkan berbuat demikian oleh wakil Universiti.
- 5.2 Segala jenis kenderaan yang ditinggalkan hendaklah diletakkan di tempat letak kenderaan yang disediakan. Kenderaan tidak dibenarkan sama sekali disimpan di dalam blok dan bilik pelajar.
- 5.3 Pelajar yang mendiami asrama tertakluk kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Kaedah-kaedah UTM (Tatatertib Pelajar) 1999 dan segala peraturan yang dikeluarkan oleh pihak Universiti.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”

Saya yang menjalankan amanah,



(YULIE NURAFNIE BINTI ABD MAJID)

Ketua Unit Residen
Seksyen Perkhidmatan
Bahagian Pengurusan Aset
Jabatan Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
UTM Johor Bahru

- s.k
- Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - Pengarah Keselamatan
 - Pengarah UTMSPACE